

Jepun digesa main peranan memimpin

UM 13 DEC 2002

Daripada ZAHARUDDIN MOHD. ALI

TOKYO 12 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menggesa Jepun, negara kuasa ekonomi kedua terbesar di dunia, memainkan peranan memimpin dan bukan dipimpin oleh mana-mana pihak.

Menurut Perdana Menteri, Jepun mempunyai saiz, kekayaan dan teknologi bertaraf dunia bagi membolehkannya muncul sebagai kuasa utama ekonomi yang kini lebih penting daripada kuasa ketenteraan.

Katanya, negara-negara Asia Timur khususnya dan dunia amnya memerlukan Jepun untuk memimpin mereka daripada penyalahgunaan sistem perdagangan bebas, sikap tamak spekulator dan kegagalan mengatasi masalah yang menyaksikan dunia kehilangan arah.

"Sebagai seorang warga asing daripada sebuah negara kecil, saya tidak berhasrat untuk memberitahu Jepun apa yang patut ia lakukan agar sekali lagi menjadi model kepada negara-negara di Asia.

"Kejayaan Jepun membina semula negara itu daripada kemusnahan peperangan adalah menurut caranya sendiri dan bukan atas nasihat mana-mana pihak.

"Sehubungan itu, Jepun boleh membantu memulihkan ekonomi dunia jika ia sedia meneruskan usaha memulihkan ekonominya dengan cara sendiri daripada cuba melakukan perubahan mengikut acuan barat," tegas beliau.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika menyampaikan ucapan tawar-menawar bertemakan 'Cabaran Jepun dalam dunia Globalisasi' pada seminar yang diadakan sempena ulang

tahun ke-20 Dasar Pandang ke Timur di Hotel Okura di sini.

Seminar itu dihadiri oleh lebih 400 peserta yang terdiri dari kalangan ahli politik, akademik dan tokoh korporat.

■ [Petikan ucapan di muka 6]

Menurut Perdana Menteri, walaupun difahami terdapat keinginan untuk Jepun mengamalkan kaedah barat dalam sistem ekonominya, tetapi apabila sesuatu kaedah itu ditukar secara mendadak, walaupun untuk kebaikan, akan berlaku gangguan.

Sehubungan itu, tegas beliau, adalah lebih baik untuk terus menggunakan kaedah sendiri yang telah terbukti berjaya, menyaksikan Jepun bangkit daripada kemusnahan peperangan dan muncul sebagai kuasa ekonomi kedua terbesar di dunia.

"Mungkin apa yang diamalkan oleh Jepun selama ini bukanlah kaedah Barat, tetapi berdasarkan kejayaan yang telah dicapai, tidak mungkin semua yang dilakukan tidak betul.

"Bagaimanapun, jika Jepun mahu terus melakukan perubahan, lakukanlah secara perlahan-lahan bagi mengelakkan sebarang gangguan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, Jepun masih lagi belum berjaya keluar daripada masalah ekonomi yang dihadapinya sejak lebih satu dekad walaupun telah mendapat nasihat daripada banyak pihak mengenai apa yang patut ia lakukan.

Dalam tempoh itu, katanya, semua pihak yang memandangkan ke Timur masih belum mendapat manfaat sebarang panduan daripada Jepun.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir menggesa rakyat Jepun supaya 'bangun' dan menyedari bahawa masalah ekonomi yang dihadapi berpunca daripada sikap mereka sendiri.

Katanya, jika kejayaan membangunkan Jepun daripada kemusnahan peperangan dilakukan dengan cara tersendiri, kini 'Negara Matahari Terbit' itu boleh kembali bangkit daripada masalah ekonominya dengan formula sendiri.

Beliau juga turut memberitahu, menukar pemerintah setiap dua tahun bukanlah cara terbaik untuk mengatasi masalah ekonomi kerana sesebuah kerajaan memerlukan masa untuk memahami masalah yang dihadapi bagi merancang serta melaksanakan sesuatu pelan tindakan.

"Dalam tempoh dua tahun, tiada rancangan yang boleh dilakukan atau dilaksanakan dengan berkesan mahupun memperbaiki sesuatu kelemahan bagi meraih apa-apa kejayaan," jelasnya.

Negara-negara Asia Timur, tambah beliau, akan terus menjadikan Jepun model masing-masing.

Sebagai contoh, kata Dr. Mahathir, Malaysia telah mengenal pasti nilai-nilai baik yang mendorong kepada kejayaan Jepun untuk diamalkan dalam sektor awam dan swasta sejak dua dekad lalu.

Hasilnya kata Perdana Menteri, ramai yang telah mengakui Malaysia telah mencapai kejayaan berbanding banyak negara-negara membangun yang lain.

Beliau menambah, pembangunan berlaku dengan pesat di Malaysia dalam tempoh dua dekad lalu dan ia seiring dengan pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur. — *Utusan*